

# Kerajaan tentukan dasar Pengajian tinggi diswasta

21 FEB 1990

Oleh SHAHARUDIN LATIF

**GEORGETOWN, Selasa** — Semua pusat pengajian tinggi di seluruh negara akan diswastakan jika kerajaan mendapati sesuai untuk berbuat demikian, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, di negara-negara maju, kebanyakan pusat pengajian tinggi ditadbirkan oleh pihak swasta dan tidak ada sebab Malaysia tidak boleh berbuat demikian sekiranya sektor swasta sudah bersedia mengambil alih.

"Walaupun kerajaan bertanggungjawab menyediakan kemudahan pendidikan, kita akhirnya terpaksa menswastakan pusat pengajian tinggi apabila sektor itu mampu mengurus bidang berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Ozon Tropika dan Perubahan Atmosfera di Universiti Sains Malaysia (USM) dekat sini, hari ini.

Seramai 250 peserta dari 40 negara menyertai persidangan empat hari itu, yang antara lain membincangkan masalah lapisan ozon yang kian terancam. Turut hadir di majlis perasmian itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Amar Stephen Yong dan Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun pusat pengajian tinggi diswastakan, kerajaan tetap akan menentukan dasar pusat pengajian tinggi.

Mengenai dasar bahasa, beliau berkata, walaupun kerajaan menekankan penguasaan bahasa kedua, ini tidak bermakna Dasar Bahasa Kebangsaan yang dikuatkuasakan sekarang akan diubah, sebaliknya akan tetap kekal.

"Apa yang ingin ditekankan oleh kerajaan ialah dalam mengejar ilmu dan kemajuan, kita tidak boleh berfikiran sempit sehingga memisahkan kita daripada arus keilmuan. Kita perlu belajar bahasa asing seperti Bahasa Inggeris kerana tidak mahu ketinggalan," katanya.

Menurutnya, suatu ketika dulu Bahasa Arab menjadi tumpuan, khususnya pada zaman peralihan, kerana ia menjadi bahasa ilmu.

Bagaimanapun, katanya, keadaan berubah apabila bangsa Arab sendiri sudah tidak mahu memperjuangkan bahasa mereka sebagai bahasa ilmu.

Beliau juga berkata, kerajaan tidak mahu wang yang dikeluarkan oleh rakyat dalam bidang pendidikan membazir begitu saja.

"Sebab itulah segala usaha dilakukan bagi memastikan pelajar mendapat kemudahan yang diperlukan supaya mereka menerima pulangan yang setimpal dengan wang yang dibelanjakan," katanya.

Selepas merasmikan persidangan, Datuk Seri Dr Mahathir melawat pameran beberapa projek penyelidikan di universiti berkenaan.

Beliau tertarik dan memuji kebolehan penyelidik USM menjalankan penyelidikan dalam beberapa bidang dan berharap ia dapat dikekalkan pada masa depan.